

15/06/2001

Parti komponen diminta kemuka pandangan calon

KOTA KINABALU, Khamis - Semua parti Barisan Nasional (BN) Sabah diminta mengemukakan pandangan berhubung pemilihan calon bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas yang akan diadakan nanti.

Pengerusi BN Sabah, Datuk Chong Kah Kiat, berkata pandangan itu perlu dikemukakan secepat mungkin kepada Setiausaha BN Sabah, Datuk Karim Bujang bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil.

"Saya nasihatkan semua pemimpin parti komponen BN supaya mengemukakan secepat mungkin pandangan mereka kepada Setiausaha BN negeri berhubung dengan pemilihan calon," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat BN Sabah di Putatan Square di sini petang ini, beliau berkata, pandangan itu nanti akan dibincang lebih lanjut dengan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk tindakan lanjut.

Minggu lalu, Mahkamah Tinggi mengisytiharkan keputusan pilihan raya 1999 bagi kawasan DUN Likas sebagai tidak sah dan batal.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Muhammad Kamil Awang mengisytiharkan keputusan pilihan raya bagi kawasan Likas sebagai tidak sah dan batal atas alasan terdapat pengundi yang tidak wujud dan bukan warganegara.

Dalam pilihan raya negeri 1999, bekas Ketua Menteri merangkap Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee memenangi kawasan berkenaan.

Sehubungan itu, Chong berharap supaya semua parti komponen BN negeri memberi kerjasama penuh bagi memastikan calon BN yang bertanding memenangi kawasan itu.

Mengenai sama ada Yong layak bertanding atau tidak pada pilihan raya itu, Chong berkata, ia bergantung kepada laporan yang akan diberikan oleh Muhammad Kamil kepada SPR.

"Semuanya bergantung kepada laporan hakim itu... dan kita masih menunggu laporan dari Mahkamah Tinggi," katanya.

(END)